

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026
PENDIDIKAN MORAL
Kertas 1
Peraturan Pemarkahan
JULAI 2026

1225/1 (PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA

BIL	PERKARA	SIMBOL	KETERANGAN
1	Fakta	F1	Layak diberi 1 markah
2	Maksimum Fakta	maxF	<i>Tidak layak mendapat markah</i>
3	Ulangan Fakta	UF	<i>Tidak layak mendapat markah</i>
4	Huraian / Contoh	H1	Layak diberi 1 markah
5	Maksimum Huraian	maxH	<i>Tidak layak mendapat markah</i>
6	Ulangan Huraian	UH	<i>Tidak layak mendapat markah</i>
7	Pendirian	J1	Layak diberi 1 markah
8	Maksimum Pendirian	maxJ	<i>Tidak layak mendapat markah</i>
9	Ulangan Pendirian	UJ	<i>Tidak layak mendapat markah</i>
10	Nilai	N1	Layak diberi 1 markah
11	Maksimum Nilai	maxN	<i>Tidak layak mendapat markah</i>
12	Ulangan nilai	UN	<i>Tidak layak mendapat markah</i>
13	Jawapan tidak tepat	//	<i>Tidak layak mendapat markah</i>

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1a)	F1 Jujur / Ikhlas F2 Amanah F3 Bertanggungjawab F4 Berintegriti F5 Amal nilai moral F6 Bersikap sederhana dalam pemikiran/ pertuturan/ perlakuan F7 Melakukan kebaikan tanpa mengharapkan balasan F8 Berusaha melakukan kebaikan (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 2 m]
1b)	F1: Disenangi ramai H1: Hal ini kerana individu yang berbudi pekerti mulia mudah diterima dan disukai oleh masyarakat sekeliling. H2: Sifat ini juga dapat mengelakkan diri daripada dibenci atau disisihkan oleh rakan-rakan. F2: Sentiasa melakukan perkara positif H1: Hal ini kerana amalan murni ini mendorong seseorang untuk sentiasa berbuat baik dalam kehidupan harian. H2: Sifat ini membantu remaja menjauhi kegiatan negatif/ perbuatan yang melanggar undang-undang. F3: Menjamin kebahagiaan H1: Hal ini kerana kehidupan individu yang berakhlak mulia akan menjadi lebih aman, tenteram, dan gembira. H2: Individu juga akan terhindar daripada perasaan bersalah, gelisah, atau konflik dengan orang lain. F4: Menjadi suri teladan H1: Hal ini kerana perbuatan baik yang ditunjukkan akan dicontohi oleh orang lain, terutamanya generasi muda. H2: Keadaan ini dapat melahirkan lebih ramai masyarakat yang berakhlak tinggi dan prihatin.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1c)	F5: Dihormati / dipandang mulia oleh orang lain	1
	H1: Hal ini kerana akhlak yang terpuji akan mengangkat maruah diri seseorang di mata masyarakat.	1
	H2: Orang ramai akan menaruh kepercayaan penuh dan memberikan pandangan yang positif terhadap diri kita.	1
	F6: Mencapai matlamat hidup	1
	H1: Hal ini kerana disiplin diri dan nilai murni yang diamalkan membantu seseorang untuk berjaya dengan mudah.	1
	H2: Individu yang berkeperibadian mulia lebih berfokus kepada masa depan yang cemerlang tanpa mudah terpesong	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 5 m]
	H1 Memulangkan barang/ wang yang dijumpai kepada pemilik/ pihak berkuasa/ polis.	1
	H2 Bercakap dengan sopan dan beradab ketika berkomunikasi dengan orang lain.	1
	H3 Menyiapkan kerja sekolah yang diamanahkan mengikut masa yang ditetapkan.	1
	H4 Membantu rakan yang dalam kesusahan tanpa mengharapkan sebarang balasan.	1
	H5 Menghormati orang yang lebih tua seperti ibu bapa, guru, dan warga emas.	1
	H6 Bergaul mesra dan bekerjasama dengan semua rakan tanpa membezakan bangsa atau agama.	1
	H7 Menjaga etika di media sosial dengan tidak menyebarkan maklumat palsu atau komen negatif.	1
	H8 Menepati masa dan hadir ke sekolah atau perjumpaan dengan awal.	1
	H9 Mengakui kesalahan diri dengan berani dan meminta maaf apabila melakukan silap.	1
	H10 Menjaga kebersihan kawasan persekitaran sekolah dan tempat awam secara sukarela.	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 3 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1d)	H1 Kes jenayah kecurian dan pecah amanah dalam masyarakat akan meningkat. H2 Hubungan sesama ahli masyarakat menjadi semakin renggang. H3 Masyarakat akan hilang kepercayaan antara satu sama lain. H4 Amalan saling membantu dan tolong-menolong semakin pupus. H5 Individu cenderung bersikap individualistik (mementingkan diri sendiri). H6 Tahap keselamatan penduduk di sesuatu kawasan terjejas. H7 Nilai akhlak dan integriti dalam kalangan generasi muda terhakis. H8 Suasana kehidupan masyarakat menjadi kurang harmoni dan tidak tenteram. H9 Gejala sosial yang melanggar norma masyarakat berleluasa. H10 Pandangan serong atau imej negatif masyarakat terhadap generasi muda meningkat (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 2 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
2 c)	F1: Mengadakan kempen anti-buli	1
	H1: Supaya murid tahu tentang kesan buruk perbuatan membuli	1
	F2: Mengenakan hukuman tegas kepada pembuli	1
	H2: Agar pelaku gerun dan tidak mengulangi kesalahan tersebut	1
	F3: Memperkasakan Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK)	1
	H3: Guru kaunseling boleh memberi khidmat nasihat kepada pembuli dan sokongan kepada mangsa	1
	F4: Meningkatkan kawalan di tempat terpencil sekolah	1
	H4: Guru boleh kerap meronda di kawasan sunyi seperti tandas atau tangga	1
	F5: Bekerjasama dengan pihak berkuasa/ polis/ PDRM	1
	H5: Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) boleh memberi ceramah pencegahan disiplin	1
	F6: Memasang kamera litar tertutup (CCTV)	1
	H6: Membolehkan pihak sekolah mengesan salah laku buli dengan cepat	1
	F7: Mengaktifkan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)	1
	H7: Rakan sebaya boleh membantu melaporkan kes buli secara senyap	1
	F8: Menganjurkan aktiviti kokurikulum berunsur nilai murni	1
	H8: Dapat memupuk sikap saling menghormati antara rakan sekolah	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak. 3m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
3a)	N1 Patriotisme	1
	N2 Kerajinan	1
	N3 Berdikari	1
	N4 Rasional	1
		[Mak. 2m]
3b)	F1: Menganggap mutu barangan antarabangsa lebih tinggi.	1
	F2: Ingin menunjukkan status sosial yang mewah.	1
	F3: Terpengaruh dengan iklan dan media sosial.	1
	F4: Mengikut gaya hidup pempengaruh (<i>influencer</i>).	1
	F5: Mengikuti trend fesyen global terkini.	1
	F6: Dipengaruhi oleh tekanan rakan sebaya.	1
	F7: Beranggapan barangan tempatan kurang bergaya.	1
	F8: Yakin dengan jaminan kualiti jenama luar.	1
	F9: Kurang kesedaran jati diri dan semangat patriotisme.	1
	F10: Mencari kepuasan diri menggayakan jenama terkenal.	1
		[Mak. 2m]
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
3c)	F1: Pendapatan industri tempatan merosot	1
	H1: Pengusaha kehilangan sumber jualan kerana rakyat pilih barangan luar	1
	H2: Perniagaan terpaksa ditutup dan menjejaskan punca pendapatan peniaga kecil	1
	F2: Kadar pengangguran pekerja tempatan meningkat	1
	H3: Kilang atau syarikat tempatan mengalami kerugian besar akibat tiada sambutan	1
	H4: Majikan terpaksa menghentikan pekerja atau menutup operasi perniagaan	1
	F3: Pengaliran wang negara ke luar negara meningkat	1
	H5: Rakyat terus membeli produk berjenama antarabangsa secara berterusan	1
	H6: Wang Malaysia banyak berpindah kepada syarikat asing dan merugikan negara	1
	F4: Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merosot	1
	H7: Sektor pembuatan dan perindustrian gagal mencatat nilai jualan tinggi	1
	H8: Ekonomi negara menjadi lemah akibat terlalu bergantung pada produk import	1
	F5: Industri kraf tangan dan warisan negara terjejas	1
	H9: Produk tradisional tidak mendapat permintaan kerana dipinggirkan generasi muda	1
	H10: Industri seni warisan tempatan akhirnya pupus akibat ketiadaan pembeli	1
	F6: Peluang kerjaya golongan muda berkurangan	1
	H11: Perniagaan tempatan yang tidak berkembang maju menghadkan peluang pekerjaan	1
	H12: Belia tempatan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan stabil	1
	F7: Nilai mata wang tempatan (Ringgit Malaysia) terjejas	1
	H13: Permintaan produk import lebih tinggi berbanding produk tempatan	1
	H14: Imbangan dagangan negara menjadi tidak stabil di peringkat global	1
		[Mak. 3m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
3 d)	F1: Mengadakan promosi jualan murah atau potongan harga. F2: Memperbaiki kualiti dan reka bentuk produk agar lebih moden. F3: Memasarkan produk secara meluas menerusi platform media sosial. F4: Menggunakan khidmat pempengaruh (influencer) untuk mengiklankan produk. F5: Menyediakan reka bentuk pembungkusan yang lebih menarik dan eksklusif. F6: Mengadakan jualan kilat secara atas talian (online). F7: Memberikan hadiah percuma atau cenderahati kepada pembeli. F8: Menyediakan kemudahan perkhidmatan penghantaran terus ke rumah. F9: Menawarkan mata ganjaran atau rebat tunai (cashback) kepada pelanggan setia. F10: Menyertai pameran usahawan atau karnival belia di peringkat tempatan. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 2 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4 a)	F1: Membuat perancangan perbelanjaan (bajet) harian atau mingguan. F2: Menyimpan sekurang-kurangnya 10% daripada wang saku atau pendapatan setiap bulan. F3: Mengutamakan barangan keperluan asas berbanding kehendak mewah. F4: Membuka akaun simpanan khas di institusi kewangan yang sah. F5: Membawa bekal makanan dan minuman dari rumah ke sekolah. F6: Mengumpul baki wang syiling ke dalam tabung khas. F7: Mengelakkan diri daripada berhutang atau meminjam wang untuk perbelanjaan tidak penting. F8: Membeli barangan mengikut kemampuan diri sendiri. F9: Membuat catatan aliran wang keluar dan masuk setiap hari. F10: Mengelakkan diri daripada terpedaya dengan skim cepat kaya atau perbelanjaan boros. (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 2 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4b)	F1: Wang simpanan boleh digunakan pada waktu kecemasan	1
	H1: Untuk bayar kos rawatan ketika sakit atau baiki kerosakan	1
	H2: Mengelakkan diri daripada terpaksa meminjam duit orang lain	1
	F2: Menjadi sumber kewangan untuk sambung belajar	1
	H3: Boleh digunakan untuk membayar yuran pendaftaran universiti	1
	H4: Meringankan beban kewangan ibu bapa	1
	F3: Mendidik diri supaya tidak bersikap boros	1
	H5: Mengutamakan barang yang wajib berbanding barang mewah	1
	H6: Wang tidak dihabiskan pada perkara yang tidak berfaedah	1
	F4: Membantu mengelakkan diri daripada terjatuh dalam hutang	1
	H7: Ada duit sendiri yang cukup tanpa perlu boros guna kad kredit	1
	H8: Menyelamatkan diri daripada risiko muflis	1
	F5: Memupuk sikap berdisiplin dalam menguruskan wang	1
	H9: Lebih pandai merancang duit keluar dan masuk setiap bulan	1
	H10: Menjadi lebih matang apabila membuat keputusan masa depan	1
	F6: Menjamin kestabilan kewangan untuk masa hadapan	1
	H11: Simpanan sejak muda menjadi asas kukuh apabila mula bekerja	1
	H12: Lebih tenang kerana bersedia menghadapi turun naik ekonomi	1
	F7: Membina amalan berjimat cermat dalam kehidupan	1
	H13: Tidak mudah terpengaruh dengan trend gaya hidup mewah	1
	H14: Menjadikan kita lebih menghargai setiap sen wang yang dimiliki	1
	F8: Memastikan kelangsungan hidup yang lebih terjamin	1
	H15: Mempunyai jaminan perlindungan jika hilang punca pendapatan	1
	H16: Kehidupan tidak terjejas teruk apabila menghadapi kesusahan	1
	F9: Membantu mencapai matlamat atau impian hidup	1
	H17: Wang simpanan boleh dijadikan modal membeli aset seperti rumah	1
	H18: Tidak perlu bergantung kepada pinjaman bank berfaedah tinggi	1
	F10: Mengurangkan tekanan emosi dan mental	1
	H19: Fikiran lebih tenteram kerana mempunyai simpanan tunai	1
	H20: Tidak perlu hidup dalam kebimbangan masalah ketiadaan wang	1
	F11: Menjaga imej dan maruah diri	1
	H21: Tidak perlu menagih simpati atau bantuan kewangan	1
	H22: Diri akan terus dipandang mulia oleh masyarakat	1
	F12: Membolehkan kita membantu golongan yang memerlukan	1
	H23: Kita boleh menderma atau bersedekah kepada tabung kebajikan	1
	H24: Memupuk semangat keprihatinan dan perpaduan dalam komuniti	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak. 3m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4c)	F1: Terbeban dengan hutang yang tinggi F2: Mengalami tekanan emosi dan mental F3: Risiko diisytiharkan muflis pada usia muda F4: Masa depan menjadi gelap dan terjejas F5: Keharmonian hubungan keluarga terjejas F6: Terdedah kepada sindiket pinjaman tidak berlesen (Along) F7: Harta benda atau aset dirampas F8: Hilang keyakinan dan imej diri F9: Menjejaskan produktiviti diri F10: Terjerumus dalam kancap jenayah (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 3 m]
4d)	F1: Gembira / Bangga / Tenang / Bersyukur H1: Kerana saya dapat mengawal perbelanjaan harian dengan bijak tanpa berlaku pembaziran H2: Kerana saya mempunyai simpanan wang yang mencukupi untuk menghadapi masa kecemasan H3: Kerana kedudukan kewangan peribadi saya berada dalam keadaan yang stabil dan kukuh H4: Kerana saya berjaya melatih diri menjadi seorang remaja yang berdisiplin serta matang H5: Kerana saya tidak perlu terbeban atau terjerat dengan masalah hutang yang melampau H6: Kerana saya dapat menyediakan sumber kewangan awal untuk menyambung pelajaran ke peringkat tinggi H7: Kerana saya berjaya mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan gaya hidup mewah atau boros H8: Kerana fikiran saya lebih tenteram tanpa perlu risau tentang masalah ketiadaan wang H9: Kerana saya dapat meringankan beban kewangan ibu bapa pada masa hadapan H10: Kerana saya berasa yakin untuk meneruskan kehidupan yang lebih terjamin dan beretika (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 2 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
5 a)	F1: Membuat aduan rasmi kepada pihak KPDN/ agensi penguatkuasaan/ pihak berkuasa.	1
	F2: Memboikot premis perniagaan yang tidak jujur dan menindas pengguna.	1
	F3: Menegur perbuatan peniaga tersebut secara berhemah di tempat kejadian.	1
	F4: Meneliti tanda harga barangan dan memeriksa alat penimbang sebelum membuat pembayaran.	1
	F5: Melaporkan salah laku peniaga di media sosial sebagai langkah amaran kepada masyarakat.	1
	F6: Memilih untuk membeli barangan di kedai lain yang lebih telus dan berintegriti.	1
	F7: Mendapatkan resit pembelian yang lengkap sebagai bukti transaksi yang sah.	1
	F8: Menasihati peniaga supaya berniaga dengan jujur demi memelihara hak pengguna.	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak. 2 m]
5 (b)	H1: Menjejaskan kestabilan ekonomi negara	1
	H2: Mencemarkan imej dan reputasi negara di mata dunia	1
	H3: Menjejaskan keyakinan pelabur asing untuk melabur	1
	H4: Menyebabkan negara kehilangan sumber pendapatan penting	1
	H5: Meningkatkan kadar inflasi dan kos sara hidup	1
	H6: Menyekat peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan	1
	H7: Melahirkan masyarakat yang hilang nilai kejujuran dan integriti	1
	H8: Menimbulkan ketidakpuasan hati dan pergolakan sosial dalam kalangan rakyat	1
	H9: Menjejaskan daya saing sektor perniagaan tempatan di peringkat global	1
	H10: Memaksa kerajaan menanggung perbelanjaan penguatkuasaan yang tinggi	1
		[Mak. 3 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
5 c)	H1: Mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan terhadap perniagaan. 1 H2: Meningkatkan imej serta maruah diri dan perniagaan di mata masyarakat. 1 H3: Mengelakkan diri daripada dikenakan tindakan undang-undang atau denda. 1 H4: Memastikan rezeki dan keuntungan perniagaan sentiasa halal dan berkat. 1 H5: Mewujudkan persaingan perniagaan yang sihat dan adil dalam pasaran. 1 H6: Menjamin kelangsungan perniagaan dalam jangka masa yang panjang. 1 H7: Mengelakkan perniagaan daripada diboikot oleh orang ramai. 1 H8: Menjaga hak pengguna daripada ditindas atau dianiaya. 1 H9: Membantu menyumbang kepada kestabilan ekonomi negara yang telus. 1 H10: Menjadi teladan yang baik kepada peniaga lain untuk berniaga dengan jujur. 1 (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak. 2 m]
5d)	F1: Mematuhi undang-undang dan perlembagaan negara 1 F2: Membayar cukai pendapatan dengan jujur dan tepat pada masanya 1 F3: Menjalankan tugas atau pekerjaan dengan amanah dan telus 1 F4: Menolak sebarang amalan rasuah dan penyelewengan 1 F5: Menjaga nama baik serta imej negara di persada antarabangsa 1 F6: Mengundi semasa pilihan raya sebagai tanggungjawab warganegara 1 F7: Memelihara kemudahan awam dan harta benda negara 1 F8: Mengamalkan perpaduan serta menghormati kepelbagaian kaum 1 F9: Menyokong dasar-dasar pembangunan yang diperkenalkan oleh kerajaan 1 F10: Tidak menyebarkan berita palsu yang boleh menggugat keamanan negara 1 (Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak. 3m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
6a)	F1: Program gotong-royong membersihkan kawasan perumahan	1
		1
	F2: Kempen derma darah peringkat komuniti	1
		1
	F3: Aktiviti khidmat sukarelawan di rumah orang tua	1
		1
	F4: Program lawatan dan sumbangan ke rumah anak yatim	1
		1
	F5: Kempen pembersihan pantai atau taman awam (beach/park cleanup)	1
		1
	F6: Program kitar semula barangan terpakai bersama penduduk taman	1
		1
	F7: Misi pengumpulan dan pengagihan bantuan mangsa bencana alam	1
	F8: Program tuisyen percuma untuk kanak-kanak kurang berkemampuan	1
		1
	F9: Karnival sukaneka atau sukan rakyat perpaduan pelbagai kaum	1
		1
	F10: Kempen kesedaran kesihatan dan saringan kesihatan percuma	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak. 5m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
6 b)	F1: Memupuk nilai empati H1: Supaya remaja lebih prihatin dan bimbang terhadap kesusahan hidup golongan yang kurang bernasib baik seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU), dan anak yatim.	1 1
	F2: Membina keyakinan diri H2: Agar remaja berani berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat daripada pelbagai lapisan tanpa rasa malu atau gentar	1 1
	F3: Mengelakkan gejala sosial H3: Kerana masa lapang remaja diisi dengan aktiviti berfaedah dan dapat menjauhkan diri daripada perbuatan negatif seperti melepak atau lumba haram	1 1
	F4: Mengeratkan perpaduan kaum H4: Kerana aktiviti gotong-royong atau program kemasyarakatan menyatukan remaja pelbagai bangsa untuk bekerjasama dan saling mengenali	1 1
	F5: Melatih kemahiran kepimpinan H5: Supaya remaja belajar cara menguruskan sesuatu program dengan teratur, berkesan, dan memikul tanggungjawab sebagai pemimpin masa depan	1 1
	F6: Meningkatkan kesedaran sivik H6: Agar remaja lebih peka terhadap kebersihan persekitaran, penjagaan alam sekitar, dan kepentingan memelihara kemudahan awam setempat	
	F7: Menambah kenalan baharu H7: Supaya remaja dapat meluaskan rangkaian sosial dan mengenali rakan-rakan baharu yang mempunyai sikap positif serta minat yang sama	1 1
	F8: Mengharumkan nama baik diri dan keluarga H8: Kerana masyarakat akan memuji sahsiah mulia serta kerajinan remaja yang aktif berbakti dan membantu orang lain di dalam kariah	1 1
	F9: Memupuk semangat patriotisme H9: Kerana penglibatan dalam kerja amal menanam rasa cinta yang mendalam terhadap tanah air, bangsa, dan kesejahteraan masyarakat tempatan .	1 1
	F10: Menimba pengalaman hidup yang matang H10: Agar remaja mendapat pendedahan dunia luar yang sebenar untuk membentuk peribadi yang berdisiplin, berintegriti, dan matang sebelum melangkah ke alam dewasa .	1 1
		[Mak. 5m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
7a)	F1: Maklumat tersebut tidak dipastikan kesahihannya / belum terbukti benar. H1: Perbuatan ini akan mengelirukan minda orang ramai yang membacanya. F2: Boleh mencetuskan suasana panik / ketakutan melampau. H2: Kesannya, ketenteraman dan keharmonian hidup masyarakat awam akan terganggu. F3: Penyebaran berita palsu boleh menimbulkan unsur fitnah. H3: Hal ini akan menjatuhkan maruah, imej, atau reputasi pihak yang terlibat. F4: Menyalahi undang-undang komunikasi negara. H4: Remaja tersebut boleh dikenakan tindakan / hukuman di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. F5: Menjejaskan imej diri remaja itu sendiri. H5: Masyarakat dan rakan-rakan akan hilang kepercayaan terhadap dirinya pada masa hadapan. F6: Menggugat perpaduan kaum dan agama. H6: Penyebaran isu sensitif secara tidak tepat boleh mencetuskan pergaduhan dalam masyarakat majmuk. F7: Merosakkan hubungan silaturahim. H7: Individu mungkin bergaduh atau bermusuhan dengan keluarga dan rakan-rakan akibat salah faham daripada maklumat palsu. F8: Mendorong kepada perlakuan jenayah. H8: Maklumat palsu tentang peluang pelaburan atau perniagaan mudah menarik mangsa untuk ditipu oleh scammer. F9: Menjejaskan keselamatan negara. H9: Maklumat tidak sahih tentang dasar kerajaan atau ancaman luar boleh melemahkan sistem pertahanan negara. F10: Membazirkan masa dan sumber tenaga. H10: Pihak berkuasa dan masyarakat terpaksa bertungkus-lumus menyiasat dan membetulkan kesilapan yang berpunca daripada berita palsu tersebut	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 5 m]
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
7b)	F1: Menyemak kesahihan maklumat terlebih dahulu.	1
	F2: Merujuk maklumat daripada sumber yang rasmi atau berautoriti.	1
	F3: Tidak menekan butang kongsi (share / forward) secara melulu.	1
	F4: Memberikan kredit / menyatakan sumber asal maklumat yang diambil.	1
	F5: Mengelakkan daripada menyentuh isu-isu yang sensitif.	1
	F6: Tidak mengubah suai atau memanipulasi gambar dan fakta.	1
	F7: Membaca keseluruhan artikel, bukan hanya membaca tajuk utama (headline).	1
	F8: Menasihati rakan-rakan agar berhenti menyebarkan mesej berantai.	1
	F9: Bertindak melaporkan hantaran (post) yang menyebarkan maklumat palsu.	1
	F10: Melindungi maklumat peribadi diri sendiri dan juga orang lain.	1
(Mana-mana jawapan yang munasabah)		[maks 5 M]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
8 a)	F1: TIDAK WAJAR.	1
	N1: Nilai Kejujuran	1
	N2: Nilai Rasional	1
	N3: Nilai Bertanggungjawab	1
	N4: Nilai Keberanian	1
	H1: Hal ini kerana menyembunyikan kesalahan rakan bermaksud James secara tidak langsung telah bersubahat melanggar peraturan peperiksaan.	1
	H2: Jika James mendiamkan diri, David tidak akan insaf dan akan berterusan mengulangi perbuatan meniru pada masa hadapan.	1
	H3: Sahabat yang sejati sepatutnya berani menegur kesilapan rakannya ke arah kebaikan, bukannya melindungi perbuatan yang salah.	1
	H4: Tindakan mendiamkan diri ini akan mencemarkan integriti dan maruah diri James sendiri sebagai seorang murid.	1
	H5: Sikap David yang suka mengambil jalan mudah ini boleh merosakkan masa depannya sendiri , terutamanya apabila dia memasuki alam pekerjaan kelak.	1
	H6: Perbuatan ini sangat tidak adil terhadap murid-murid lain yang telah bertungkus-lumus dan jujur mengulang kaji pelajaran untuk lulus peperiksaan.	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak. 5 m]
	F2: WAJAR.	1
	N5: Nilai Kasih Sayang	1
	N6: Nilai Baik Hati	1
	N7: Nilai Toleransi	1
	H7: Hal ini kerana James sangat menyayangi dan ingin menyelamatkan hubungan persahabatannya dengan David yang telah lama terjalin.	1
	H8: James berniat baik untuk memberi peluang kedua kepada David untuk membetulkan kesilapannya tanpa perlu campur tangan guru disiplin.	1
	H9: Tindakan ini dapat mengelakkan David daripada berasa terlalu tertekan , trauma, atau malu jika dia ditangkap dan dihukum secara terbuka.	1
	H10: James bercadang untuk berjumpa dan menasihati David secara peribadi dari hati ke hati selepas tamat waktu peperiksaan.	1
	H11: James berfikiran matang bahawa setiap manusia pasti melakukan kesilapan, dan David mampu berubah dengan sokongan rakan berbanding hukuman semata-mata.	1
	H12: James berazam untuk mengajak David belajar dan mengulang kaji pelajaran bersama-sama selepas ini supaya David lebih yakin dan tidak perlu meniru lagi	1
		[Mak. 5 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
8c)	PILIHAN 1: FOKUS KEPADA KESAN PERSAHABATAN F1: SAYA BERASA SEDIH / KECEWA. H1 (Putus kawan): Kerana tindakan saya ini mungkin akan memutuskan hubungan persahabatan kami. 1 H2 (Hukuman berat): Kerana rakan karib saya pasti akan dikenakan hukuman disiplin yang berat. 1 H3 (Sikap rakan): Kerana kawan baik saya sendiri sanggup bersikap tidak jujur dan menipu. 1 H4 (Dilema): Kerana saya terpaksa membuat pilihan yang amat sukar antara kawan atau peraturan. 1 H5 (Simpati): Kerana saya bersimpati memikirkan masa depannya jika dia digantung sekolah. 1 H6 (Jalan mudah): Kerana rakan saya lebih rela mengambil jalan mudah daripada berusaha gigih. 1 H7 (Rasa kehilangan): Kerana saya mungkin akan kehilangan seorang sahabat yang telah lama terjalin. 1 H8 (Keluarga rakan): Kerana saya berasa kasihan melihat dia akan dimarahi oleh ibu bapanya kelak. 1 PILIHAN 2: FOKUS KEPADA KEPENTINGAN INTEGRITI F2: SAYA BERASA GEMBIRA (ATAU LEGA / BANGGA). 1 H1 (Prinsip diri): Kerana saya berjaya mempertahankan nilai integriti dan kejujuran dalam diri saya. 1 H2 (Tidak bersubahat): Kerana saya tidak bersubahat menyembunyikan kesalahan yang melanggar peraturan. 1 H3 (Beri pengajaran): Kerana tindakan tegas saya ini dapat memberi pengajaran supaya dia sedar kesilapannya. 1 H4 (Selamatkan rakan): Kerana saya sebenarnya menyelamatkan masa depannya daripada terus menjadi penipu. 1 H5 (Keadilan): Kerana tindakan saya ini adalah adil kepada murid lain yang belajar bersungguh-sungguh. 1 H6 (Ketenangan jiwa): Kerana hati dan emosi saya menjadi lebih tenang tanpa perlu menyimpan rahsia penipuan. 1 H7 (Patuhi peraturan): Kerana saya telah melaksanakan tanggungjawab dengan mematuhi peraturan sekolah. 1 H8 (Kebenaran): Kerana saya membuktikan bahawa kebenaran mesti sentiasa diutamakan berbanding kepentingan peribadi. 1 (Mana-mana jawapan yang munasabah)	
		[MAKS 5M]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
8 d)	F1: Mengajak David mengulang kaji pelajaran bersama-sama. F2: Menasihati David tentang kepentingan sikap jujur. F3: Membantu David menyusun jadual waktu belajar. F4: Menggalakkan David berjumpa guru mata pelajaran. F5: Memberikan kata-kata semangat kepada David. F6: Mengingatkan David tentang kesan buruk meniru. F7: Berkongsi nota ringkas dan tips belajar dengan David. F8: Menegur David secara peribadi jika dia berniat meniru lagi. F9: Menasihati David supaya tidak mengambil jalan mudah. F10: Membawa David menyertai kelas tambahan sekolah. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 5m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
9 a)	F1: Mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan taman.	1
	F2: Menganjurkan rumah terbuka berbilang kaum semasa musim perayaan.	1
	F3: Menyertai rondaan keselamatan seperti skim Rukun Tetangga (RT).	1
	F4: Saling bertegur sapa dan senyum apabila berselisih dengan jiran.	1
	F5: Bertukar-tukar juadah atau makanan tradisional dengan jiran tetangga.	1
	F6: Menziarahi jiran yang sedang sakit atau ditimpa musibah.	1
	F7: Mengadakan Hari Keluarga atau acara sukaneka peringkat taman.	1
	F8: Menghulurkan bantuan tenaga semasa jiran mengadakan kenduri atau majlis.	1
	F9: Menghormati amalan peribadat atau pantang larang agama kaum lain (contoh: tidak membuat bising).	1
	F10: Tolong pantau rumah jiran apabila mereka pulang ke kampung.	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 5m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
9b)	N1: Nilai Toleransi	1
	N2: Nilai Kerjasama	1
	N3: Nilai Hormat	1
	N4: Nilai Rasional	1
	H1: Mengekalkan keharmonian dan keamanan negara.	1
	H2: Mengelakkan perselisihan faham atau pergaduhan antara kaum.	1
	H3: Memajukan ekonomi negara (dengan menarik pelabur asing).	1
	H4: Menjamin kedaulatan dan keselamatan negara daripada ancaman luar.	1
	H5: Meningkatkan imej negara di mata dunia / persada antarabangsa.	1
	H6: Merapatkan hubungan silaturahim (jurang sosial) antara masyarakat pelbagai kaum.	1
	H7: Menarik kedatangan pelancong asing untuk melihat keunikan budaya Malaysia.	1
	H8: Meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi pembahagian ekonomi yang adil.	1
	H9: Mewujudkan pentadbiran negara yang lebih stabil, telus, dan dihormati.	1
	H10: Melahirkan generasi muda yang mempunyai jati diri dan semangat patriotik yang tinggi.	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 5m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
9c)	H1: Kelemahan penguasaan bahasa kebangsaan yang mewujudkan jurang komunikasi.	1
	H2: Penyebaran berita palsu dan isu berbaur perkauman di media sosial.	1
	H3: Sikap prejudis dan prasangka buruk terhadap agama atau budaya kaum lain.	1
	H4: Sikap individualistik (mementingkan diri sendiri) dan sibuk dengan urusan peribadi.	1
	H5: Pengasingan sistem pendidikan sejak kecil (kewujudan sekolah vernakular).	1
	H6: Pengaruh kempen dan sentimen politik yang berasaskan perkauman.	1
	H7: Jurang ekonomi dan ketidakseimbangan taraf hidup antara kaum.	1
	H8: Kurang penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong atau Rukun Tetangga.	1
	H9: Sikap tidak menjaga sensitiviti dan pantang larang agama kaum lain.	1
	H10: Pengaruh budaya luar (Barat) yang menghakis jati diri dan budaya tempatan.	1
	H11: Pengasingan petempatan atau kawasan perumahan yang terpusat mengikut kaum tertentu.	1
	H12: Pemikiran etnosentrisme (menganggap bangsa atau budaya sendiri paling hebat).	1
	H13: Sikap suka memilih kawan dan hanya bergaul dengan kelompok sebangsa sahaja.	1
	H14: Pemisahan bentuk muka bumi (geografi) yang menyukarkan integrasi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.	1
	H15: Kelunturan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan generasi muda.	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 5m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
9d)	F1: Makan bersama-sama rakan pelbagai kaum di kantin sekolah.	1
	F2: Bermain dan bersukan dalam satu pasukan yang sama tanpa mengira bangsa.	1
	F3: Bekerjasama membersihkan kelas mengikut jadual bertugas harian.	1
	F4: Membantu rakan berlainan kaum yang lemah dalam pelajaran.	1
	F5: Mengucapkan selamat menyambut hari perayaan kepada rakan.	1
	F6: Saling bertegur sapa dan senyum apabila berjumpa di kawasan sekolah.	1
	F7: Menjaga tutur kata dan tidak mengejek amalan budaya kaum lain.	1
	F8: Berkongsi rezeki dengan bertukar-tukar bekal makanan pada waktu rehat.	1
	F9: Menyertai unit beruniform atau kelab secara bersama-sama (contoh: Kelab Rukun Negara).	1
	F10: Menziarahi rakan berbilang kaum sekiranya mereka jatuh sakit.	1
	F11: Meminjamkan alat tulis atau buku kepada rakan yang memerlukan.	1
	F12: Menghormati rakan yang sedang berpuasa atau melakukan ibadat.	1
	F13: Mengadakan perbincangan atau belajar secara berkumpulan dengan rakan pelbagai bangsa.	1
	F14: Meraikan sambutan hari lahir rakan sekelas bersama-sama.	1
	F15: Menyokong dan menonton persembahan kebudayaan rakan semasa acara sekolah.	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 5m]